

Lagi sokongan kepada Maszlee

20 lagi Naib Canselor mahu Maszlee teruskan reformasi KPM

NURUL RIDUAN
NOR ASHAHA

KUALA LUMPUR

Naib Canselor Universiti Awam (NCUA) mahu Dr Maszlee Malik kekal sebagai Menteri Pendidikan supaya reformasi Kementerian Pendidikan (KPM) terus berjalan dan mencapai hasil yang diharapkan.

NCUA melalui satu kenyataan media menegaskan ia amat yakin pendidikan di negara ini sedang menuju ke arah kecemerlangan yang lebih berdaya saing di peringkat nasional

dan antarabangsa di bawah kepimpinan Maszlee sebagai Menteri Pendidikan.

"NCUA menyokong agar Dr Maszlee terus menerajui Kementerian Pendidikan. Kami amat yakin bahawa beliau telah berkhidmat dengan cemerlang sebagai Menteri Pendidikan sejak dilantik ke jawatan tersebut.

"Kami melihat sendiri cetusan idea, transformasi dan inovasi yang telah Dr Maszlee lakukan bersama-sama warga KPM sama ada di peringkat pendidikan rendah dan menengah lebih-lebih lagi di peringkat pengajian tinggi seperti universiti, kolej universiti, politeknik dan institusi-institusi yang lain yang duduk di bawah KPM," kata kenyataan itu semalam.

Kenyataan media NCUA itu dikeluarkan bagi mengulas undian dalam ta-



Transformasi yang dilakukan Maszlee berjaya menaikkan taraf institusi pengajian tinggi di Malaysia.

lian yang dikendalikan sebuah portal berita berhubung menteri Kabinet mana yang perlu digugurkan sekiranya Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melakukan rombakan Kabinet Jumaat lalu.

Portal berkenaan meletakkan nama Maszlee sebagai menteri yang meraih

undian tertinggi untuk digugurkan.

Semalam, 18 Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melalui kenyataan bersama percaya undian berkenaan bertujuan menjatuhkan kredibiliti menteri itu dan berniat jahat.

Melalui kenyataan bersama itu, mereka turut menyatakan sokongan penuh terhadap Maszlee dan berharap undian dan tulisan yang cuba menjejaskan kredibiliti menteri itu tidak akan mempengaruhi apa-apa keputusan Perdana Menteri seandainya rombakan Kabinet dibuat pada masa akan datang.

20 Naib Canselor yang menyatakan sokongan kepada Maszlee Malik:

1. Datuk Dr Abdul Rahim Hashim, Naib Canselor Universiti Malaya (UM)
2. Profesor Dr Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM)
3. Profesor Faisal Rafiq Mahamd Adika, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM)
4. Profesor Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
5. Profesor Datin Paduka Dr Aini Ideris, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)
6. Profesor Datuk Ir Dr Wahid Omar, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
7. Profesor Dr Raha Abdul Rahim, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
8. Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
9. Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10. Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabra, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
11. Profesor Dr Mohamed Ridza Wahiddin, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12. Profesor Ts Dr R Badlishah Ahmad, Naib Canselor Universiti Malaysia Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
13. Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP)
14. Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
15. Profesor Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
16. Profesor Dr Noor Azizi Ismail, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
17. Profesor Datuk Dr Wahid Razzaly, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)
18. Leftenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal, Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
19. Profesor Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)
20. Tan Sri Profesor Emeritus Dzulkifli Abdul Razak, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

TELLUS & TELLUS
Sinar
harian

Panelis
USTAZAH
MAZNAH DAUD
Ahli Lembaga Pemegang
Amanah Yadim

Panelis
FIRDAUS
WONG
Pendakwah

Moderator
AZLAN SHAH